

Penduduk lima kampung di Hulu Langat ambil langkah awal bersiap sedia

Bimbang banjir buruk berulang

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD

kota@utusan.com.my

HULU LANGAT 9 Nov. - Bagi baru berpindah. Itulah yang boleh digambarkan keadaan rumah penduduk Kampung Sungai Serai di sini.

Ini kerana kebanyakan penduduknya sudah mula mengalihkan perabot dan peralatan elektrik di rumah mereka ke tempat lebih selamat ketika ini.

Semuanya gara-gara musim hujan sekarang, membuatkan mereka bimbang kejadian banjir paling teruk yang dihadapi mereka pada Mac lalu berulang.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di kampung tersebut serta di Taman Sri Nanding, Kampung Dusun Nanding dan Kampung Rantau Panjang mendapati rata-rata penduduk sentiasa bersiap sedia menghadapi kemungkinan banjir.

Penduduk Kampung Sungai Serai, **Mohd. Rais Abd. Rani**, 34, berkata,

perabot di rumahnya sekarang adalah saki-baki yang dapat digunakan selepas yang lain rosak dalam kejadian banjir pada Mac lalu.

Tambahnya, ibu bapanya turut berpindah ke Semenyih kira-kira dua bulan lalu kerana tidak sanggup menghadapi kejadian sama, yang ketika itu menyaksikan air naik sehingga paras siling rumah mereka.

"Tiada apa-apa persediaan kerana kami pun sudah lali dengan banjir. Cuma yang merisaukan sekiranya banjir teruk seperti Mac lalu berulang, sebab itu ibu bapa saya berpindah ke Semenyih, tambahan pula ibu lumpuh dan hanya berkerusi roda," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, **Badriah Ismail**, 48, berkata, dia sudah mula memindahkan perabot dan alatan elektrik di rumahnya ke tempat yang lebih tinggi memandangkan mereka tidak sempat menyelamatkan harta benda ketika bencana banjir me-

landa sebelum ini.

"Pakaian dan dokumen-dokumen penting sudah dikumpulkan di satu tempat dan kami sudah berada dalam keadaan sedia sekiranya banjir berlaku," kata penduduk Kampung Paya, Batu 13 itu.

Jirannya, **Norhayati Abdul Mughis**, 61, berkata, tidurnya ketika ini tidak pernah lena, terutama apabila hujan kerana bimbang banjir melanda.

"Trauma dengan kejadian lalu menyebabkan setiap kali hujan pada waktu malam saya akan bangun menjenguk-jenguk kawasan luar rumah," katanya.

Sementara itu, penduduk Taman Damai, Batu 18, Awang Ali, 75, berkata, kerugian harta benda bernilai lebih RM5,000 pada Mac lalu sudah cukup memberi kesan kepadanya sekeluarga.

"Apabila memikirkan hujan setiap hari ketika ini, mahu keluar rumah pun berfikir dua kali biarpun pada waktu siang, apatah lagi untuk berkunjung ke tempat lain yang jauh dari rumah," katanya.



KEBIMBANGAN penduduk Kampung Sungai Serai terhadap banjir yang mungkin berulang aka kerja-kerja penanggulangan Sungai Langat dimulakan Isnin ini - UTUSAN/SAFIYANA SALIM